

10 DEC 1999

Mahathir-Akhir

BESAR KEMUNGKINAN PENGGAL TERAKHIR BAGI SAYA, KATA DR M

PUTRAJAYA, 10 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, ini mungkin penggal terakhir bagi beliau sebagai Perdana Menteri.

Beliau berkata walaupun ada yang memintanya untuk "meneruskan selama-lamanya", ia agak sukar sedikit.

"Besar kemungkinan (penggal terakhir saya), kerana penggal berikutnya usia saya sudah hampir 80 tahun, saya akan kurang tidur, mata rabun dan semua itu, jadi ini mungkin penggal terakhir saya," kata beliau sambil tersenyum apabila ditanya oleh pemberita sama ada penggal kali ini adalah yang terakhir bagi beliau.

Dr Mahathir, yang memegang jawatan Perdana Menteri sejak 18 tahun lepas sebelum itu telah memaklumkan barisan Kabinetnya di persidangan berita di sini yang turut dihadiri oleh Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Barisan Kabinet yang diumumkan hari ini menampilkan sembilan menteri baru termasuk bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Musa Mohamad, yang dilantik sebagai Menteri Pendidikan, bagi menggantikan Datuk Seri Najib Tun Razak.

Musa, yang tidak bertanding pada pilihan raya 29 Nov lepas akan dilantik sebagai senator sebelum mengangkat sumpah jawatan Menteri.

Najib, pula berpindah ke Kementerian Pertahanan iaitu portfolio yang pernah dipegangnya sebelum dilantik sebagai Menteri Pendidikan.

-- BERNAMA

AFY PR